

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7897

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan *biometric system* di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan terutamanya dalam menghalang masuk warga Indonesia yang bakal mengancam kesejahteraan serta keselamatan rakyat Sarawak. Jumlah kes yang telah ditahan yang berjaya dikesan oleh sistem biometrik ini semenjak ianya dikenalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bermula pada 12 April 2011 Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melaksanakan pengambilan data biometrik dalam bentuk cap jari pelawat warganegara asing yang masuk ke Malaysia melalui pintu-pintu masuk darat, laut dan udara yang diwartakan sebagai salah satu langkah menjamin kesejahteraan serta keamanan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Bagi pelawat yang telah masuk ke negara ini sebelum pengambilan biometrik cap jari dikuatkuasakan, proses mengambil biometrik akan dibuat semasa mereka hendak meninggalkan negara ini.

Untuk makluman juga, terdapat sepuluh (10) pintu masuk di Sarawak yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Ianya terdiri daripada tiga (3) Kompleks Imigresen, Kastam & Kuarantin (ICQ) dan tujuh (7) Pos Kawalan Sempadan seperti berikut:-

Kompleks Imigresen, Kastam & Kuarantin (ICQ)

1. Kompleks ICQ Biawak, Lundu

2. Kompleks ICQ Tebedu, Serian
3. Kompleks ICQ Lubok Antu, Sri Aman

Pos Kawalan Sempadan

1. Pos Imigresen Sematan, Lundu
2. Pos Imigresen Serikin, Bau
3. Pos Imigresen Padawan, Kuching
4. Pos Imigresen Bunan Gega, Serian
5. Pos Imigresen Batu Lintang, Sri Aman
6. Pos Imigresen Bario, Miri dan
7. Pos Imigresen Ba'kelalan, Lawas

Pada masa sekarang, pengambilan biometrik hanya dilakukan di tiga Kompleks ICQ iaitu di Kompleks ICQ Biawak, Tebedu dan Lubok Antu kerana semua Pos Kawalan Sempadan tidak dipasang dengan sistem tersebut.

Keberkesanan pelaksanaan sistem pengambilan biometrik ini hanya boleh diukur apabila JIM berjaya mengesan kes-kes kemasukan dengan menggunakan identiti ataupun dokumen yang berbeza. Setakat ini tidak ada kes-kes cubaan yang dapat dikesan dan dengan itu, bolehlah dianggap bahawa golongan PATI yang telahpun diambil rekod biometrik menyedari tentang aspek ini dan tidak berani untuk mencuba masuk melalui pintu-pintu masuk yang dilengkapi sistem biometrik.

SOALAN (19)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 MEI 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

SOALAN :-

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah
Kementerian bercadang untuk memperluas dan memperkasakan skim
sewa untuk beli agar ramai rakyat berpeluang untuk memiliki rumah
sendiri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum bercadang untuk melaksanakan Skim Sewa Beli atau '*rent to own*' bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) memandangkan fokus utama Kementerian adalah untuk menambah bilangan rumah-rumah PPR Disewa di kawasan Bandar-bandar utama bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah mendiami rumah yang lebih baik dan selesa di samping kos sewaan yang rendah iaitu sebanyak RM124 sebulan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian dapat membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup yang meningkat melalui kadar sewa yang rendah. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji kesesuaian cadangan ini khususnya bagi projek PPR Dimiliki di kawasan pinggir bandar agar lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri di masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN : 20

**Y.B. Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) keseluruhan pembinaan Projek Landasan Berkembar Keretapi Elektrik KTM/ETS seluruh negara mengikut landasan yang telah terpilih; dan
- (b) adakah projek-projek tersebut menepati jadual pembinaan dan kos sebagaimana yang telah dirancang dan sekiranya projek tersebut lewat dan kos tambahan, sila nyatakan punca kelewatan projek dan jumlah kos tambahan tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi pembinaan Landasan Berkembar Elektrik untuk laluan perkhidmatan ETS dari Padang Besar ke Johor Bahru adalah berjumlah RM23.43 bilion berdasarkan senarai projek-projek di bawah:

Bil.	Projek Landasan Berkembar Elektrik	Tahun Siap	Kos Kontrak (RM Bilion)
1.	Ipoh – Padang Besar (329 km)	2014	12.48
2.	Seremban – Gemas (98 km)	2013	3.45
3.	Gemas – Johor Bahru (195km)	Tempoh pelaksanaan 4 tahun	7.5
Jumlah (RM Bilion)			23.43

(ii) **PLBE Ipoh – Padang Besar**

Projek ini telah siap pada 7 November 2014 selepas lanjutan masa selama 22 bulan. Lanjutan masa ini adalah disebabkan masalah penyerahan tapak kepada kontraktor berikutan terdapat isu berkaitan pengambilan tanah dan penempatan setinggan. Walau bagaimanapun kelewatan ini tidak melibatkan pertambahan kos.

(iii) **PLBE Seremban – Gemas**

Projek ini telah siap pada 31 Julai 2013 selepas lanjutan masa selama 18 bulan 15 hari. Lanjutan masa ini adalah disebabkan masalah penyerahan tapak kepada kontraktor berikutan terdapat isu berkaitan pengambilan tanah, penempatan setinggan dan penutupan lintasan rata awam di Pulau Sebang (Tampin). Walau bagaimanapun kelewatan ini tidak melibatkan pertambahan kos.

(iv) **PLBE Gemas - Johor Bahru**

Projek belum dilaksanakan secara fizikal. Setakat ini, dokumen tender, reka bentuk awalan dan jajaran landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru telah dimuktamadkan dan proses pengambilan balik tanah sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 4 tahun.